
MENGANALISA PULAU PINANG, MALAYSIA DAN KAWASAN SERANTAU

Sebatan di khalayak secara mandatori boleh menjadi trend nasional

Oleh **Nidhal Mujahid** (*Penganalisa, Program Kajian Politik*)
(Dikemaskini pada 17 Ogos 2017)

Rumusan Eksekutif

- Perlaksanaan sebatan di khalayak tidak memerlukan kelulusan Pindaan Rang Undang-undang Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) [Akta 355] yang lebih dikenali sebagai RUU355. Akta 355 menentukan bilangan sebatan yang boleh dijatuhkan dan bukan cara perlaksanaan sebatan
- Hukuman sebatan (tidak melebihi 6 kali) diperuntukkan untuk pelbagai jenis kesalahan jenayah syariah di semua negeri kecuali Kedah. Di Pahang yang mana rangkuman undang-undang Syariahnya begitu meluas, hukuman sebat boleh dikenakan terhadap orang Islam yang menjual alkohol, menyalahgunakan tanda halal dan hamil atau melahirkan anak luar nikah
- Sebatan di khalayak telah dilaksanakan tiga kali di Sabah di bawah Sub-Seksyen 125(3)(c) undang-undang tatacara jenayah Syariahnya yang serupa dengan peruntukan di Kelantan sebelum pindaan. Melainkan dan sehingga sub-seksyen ini diisytiharkan tidak berperlembagaan kerana tidak selaras dengan Peraturan 132 (1) Peraturan-Peraturan Penjara 2000, tiada apa-apa yang boleh menghalang Mahkamah Syariah daripada memerintahkan sebatan di khalayak
- Pindaan di Kelantan menjadikan sebatan di khalayak mandatori. Dalam kata lain, Mahkamah Syariah kehilangan kuasa budi bicara untuk tidak mengarahkan sebatan di khalayak setelah menjatuhkan hukuman sebatan
- Sebatan di khalayak yang bersifat mandatori boleh menjadi trend nasional jika negeri lain mencontohi Kelantan dan membawa implikasi meluas yang memerlukan kajian mendalam dan perbincangan terbuka

Sebatan di khalayak secara mandatori boleh menjadi trend nasional

Oleh **Nidhal Mujahid** (Penganalisa, Program Kajian Politik)

1. Salahfaham sebatan di khalayak memerlukan kelulusan RUU 355

Sesetengah pihak berpendapat bahawa pindaan Enakmen Tatacara Jenayah Syariah 2002 oleh Dewan Undangan Negeri Kelantan pada 12 Julai, 2017 untuk menetapkan hukuman sebatan di khalayak ramai tidak dapat berkuatkuasa selagi Pindaan Rang Undang-Undang 355 (RUU355) belum diluluskan oleh Parlimen.

Kemungkinan ini berpunca daripada salah faham bahawa hukuman sebatan cuma terdapat dalam Kanun Jenayah Syariah II 1993 (2015) negeri itu, iaitu 100 kali sebatan untuk zina (pesalah belum kahwin), 80 kali sebatan untuk qazaf dan 40-80 kali sebatan untuk minum arak. Sememangnya, hukuman-hukuman sebatan ini tidak dapat berkuatkuasa tanpa pindaan kepada Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 [Akta 355] kerana bilangan sebatan melebihi had 6 kali yang sedia ada.

Sehubungan dengan itu, perlaksanaan hukuman sebatan dan bidang kuasa jenayah adalah dua perkara yang berlainan dan tertakluk kepada undang-undang yang berlainan. Perlaksanaan hukuman sebatan tertakluk kepada Enakmen Tatacara Jenayah Syariah 2002 di Kelantan dan undang-undang seumpamanya di negeri-negeri lain, kecuali Kedah yang tidak mempunyai hukuman sebatan untuk kesalahan jenayah syariah.

Melainkan jika mahkamah mengisyiharkannya sebagai "batal dan tidak sah", peruntukan dan pindaan dalam undang-undang tatacara jenayah syariah berkuatkuasa ke atas hukuman sebatan yang terpakai untuk kesalahan-kesalahan jenayah Syariah.

2. Pertindihan Enakmen Jenayah Syariah dengan Kanun Keseksaan

Sememangnya, sesetengah peruntukan dalam kanun-kanun jenayah Syariah tidak dapat berkuatkuasa kerana kesalahan-kesalahan yang termaktub di dalamnya turut dikawal oleh undang-undang Persekutuan, khususnya Kanun Keseksaan (Akta 574).

Undang-undang Syariah sebagai kuasa negeri mempunyai asasnya dalam Butiran 1, Senarai II (Senarai Negeri), Jadual Kesembilan dalam Perlembagaan Persekutuan yang berbunyi:

"...pewujudan dan penghukuman kesalahan yang dilakukan oleh orang yang menganut agama Islam terhadap perintah agama itu, kecuali berkenaan dengan perkara yang termasuk dalam Senarai Persekutuan;..."

Perkara 75 juga menetapkan bahawa

"Jika mana-mana undang-undang Negeri tidak selaras dengan sesuatu undang-undang persekutuan, maka undang-undang persekutuan itu hendaklah mengatasi undang-undang Negeri dan undang-undang Negeri itu adalah tidak sah setakat yang tidak selaras itu."

Butiran 4 dalam Senarai Persekutuan adalah berkenaan dengan:

"undang-undang dan tatacara sivil dan jenayah dan pentadbiran keadilan".

Ini jelas bermaksud apabila berlaku pertindihan antara undang-undang Persekutuan dengan mana-mana undang-undang jenayah Syariah kerana kesalahan yang sama, maka peruntukan dalam undang-undang jenayah syariah menjadi tidak sah.

Kanun Keseksaan merangkumi sekurang-kurangnya kesalahan-kesalahan yang berikut: perosakan atau pencemaran tempat sembahyang (Seksyen 295), perkataan atau perbuatan yang menyebabkan perpecahan atau permusuhan atas alasan agama termasuk menuduh seseorang itu telah keluar daripada agamanya (Seksyen 298A), penculikan gadis di bawah 16 tahun (Seksyen 361), perbuatan melarikan orang atau perempuan untuk tujuan perkahwinan (Seksyen-seksyen 362 dan 366), eksplorasi orang lain untuk pelacuran (Seksyen-seksyen 372, 372A, 372B dan 373), sumbang mahram (Seksyen-seksyen 376A dan 376B), persetubuhan di luar tabii dengan binatang atau manusia (Seksyen-seksyen 377 dan 377A) dan melarikan isteri orang (Seksyen 498).

Oleh sebab peruntukan undang-undang Syariah merangkumi kesalahan-kesalahan ini menjadi tidak sah apabila bertindih dengan Kanun Keseksaan, maka hukuman sebatan dan juga hukuman lain tidak dapat dijatuhkan oleh Mahkamah Syariah (Jadual 1).

Jadual 1: Kesalahan Jenayah Syariah dengan hukuman sebatan yang tidak dapat berkuatkuasa [Undang-undang tatacara jenayah Syariah menjadi tidak sah kerana pertindihan dengan Kanun Keseksaan (Akta 574)]

<i>Kesalahan/Negeri</i>	<i>Johor</i>	<i>Kelantan</i>	<i>Terengganu</i>	<i>Pahang</i>	<i>Melaka</i>	<i>Negeri Sembilan</i>	<i>Perak</i>	<i>Pulau Pinang</i>	<i>Selangor</i>	<i>Sabah</i>	<i>Sarawak</i>	<i>Wilayah Persekutuan</i>
Memusnahkan atau mencemarkan masjid, surau, dsb.				<= 6					<= 6			Seksyen 295 (tempat sembahyang secara umumnya)
Takfir					<= 6							Seksyen 298A(3)
Melarikan Perempuan					<= 6							Seksyen 362 (umum), Seksyen 361 (bawah 14 tahun), Seksyen 366 (perempuan dengan niat perkahwinan)
Melarikan isteri orang					<= 6							Seksyen 498

<i>Kesalahan/Negeri</i>	<i>Johor</i>	<i>Kelantan</i>	<i>Terengganu</i>	<i>Pahang</i>	<i>Melaka</i>	<i>Negeri Sembilan</i>	<i>Perak</i>	<i>Pulau Pinang</i>	<i>Selangor</i>	<i>Sabah</i>	<i>Sarawak</i>	<i>Wilayah Persekutuan</i>	<i>Seksyen Bertindih dalam Kanun Kesejahteraan dan konteks pertindihan</i>
Melacurkan isteri atau anak; Perbuatan sebagai persediaan untuk melacurkan isteri atau kanak-kanak dalam peliharaannya; Muncikari	<=6		<= 6	<= 6		<= 6	<= 6	<= 6	<= 6		<= 6	<= 6	Seksyen-seksyen 372 dan 372A (muncikari); Seksyen 372B (mencari langganan untuk pelacuran); Seksyen 373 (rumah pelacuran)
Perhubungan/ Persetubuhan Jenis luar Tabi'i;*					<= 6				<= 6	<= 6			Seksyen 377 (dengan binatang); Seksyen 377A (dengan manusia, melibatkan zakar dengan dubur/mulut), Seksyen 377C (seperti S377A, dengan paksaan), Seksyen 377CA (dengan objek)
Liwat	<= 6	6					<= 6			<= 6	<= 6		
Perbuatan Sumbang Mahram	<= 6		<= 6				<= 6	<= 6		<= 6	<= 6		Seksyen-seksyen 376A dan 376B
Perhubungan muabbadd**						<=6							
Perhubungan ghairu muabbad***						<=3							

* Sebahagiannya masih lagi berkuatkuasa. Sila rujuk Jadual 2.

** Mereka yang dilarang selama-lamanya seperti ibubapa dan adik-beradik

*** Mereka yang dilarang kerana wujudnya pertalian berdasarkan perkahwinan seperti abang/adik ipar.

3. Hukuman Sebatan untuk Kesalahan-kesalahan Jenayah Syariah yang Berkuatkuasa

Terdapat banyak kesalahan jenayah Syariah yang berkuatkuasa dan membawa hukuman sebatan sama ada secara mandatori atau mengikut budibicara mahkamah. Sebagai contoh, di bawah Enakmen Kanun Jenayah Syariah (Kelantan) 1985¹, kesalahan-kesalahan zina (Seksyen 11) dan minum minuman yang memabukkan (Seksyen 25) diberi hukuman mandatori sebatan sebanyak enam kali di samping hukuman denda dan penjara mengikut budi bicara. Sebaliknya, kesalahan mukaddimah zina (Seksyen 12) diperuntukkan hukuman sebatan tidak melebihi tiga kali selain hukuman denda dan penjara, kesemuanya mengikut budi bicara mahkamah. Kesalahan-kesalahan jenayah Syariah yang berkuatkuasa dan membawa hukuman sebatan untuk semua negeri kecuali Kedah disenaraikan dalam Jadual 2.

¹ Undang-undang ini boleh dimuat turunkan daripada http://www2.esyariah.gov.my/esyariah/mal/portalv1/enakmen2011/State_Enact_Ori.nsf/f831ccddd195843f48256fc600141e84/a7d0ad459d8b1fdb482570810002d77c?OpenDocument. Undang-undang Syariah lain yang dirujuk dalam kertas ini turut boleh didapati di www2.esyariah.gov.my.

Jadual 2: Hukuman Sebatan untuk Kesalahan Jenayah Syariah yang Berkuatkuasa

<i>Kesalahan/Negeri</i>	<i>Johor</i>	<i>Kelantan</i>	<i>Terengganu</i>	<i>Pahang</i>	<i>Melaka</i>	<i>Negeri Sembilan</i>	<i>Perak</i>	<i>Pulau Pinang</i>	<i>Perlis</i>	<i>Selangor</i>	<i>Sabah</i>	<i>Sarawak</i>	<i>Wilayah Persekutuan</i>
Zina; Persetubuhan Luar Nikah/Persetubuhan Haram	<= 6	6		<= 6			<= 6	<= 6		<= 6	<= 6	<= 6	<= 6
Hamil atau melahirkan anak luar nikah					<= 6								
Perbuatan sebagai Persediaan untuk melakukan persetubuhan luar nikah; Muqaddimah Zina		<= 3	<= 6	<= 6						<= 6			
Menggalakkan maksiat					<= 6								
Pelacuran*; Perbuatan sebagai persediaan untuk melacurkan diri*	<= 6		<= 6				<= 6			<= 6		<= 6	<= 6
Perhubungan/ Persetubuhan Jenis luar Tabi'i;**						<= 6				<= 6	<= 6		
Musahaqah	<= 6		<= 6				<= 6					<= 6	<= 6
Minum minuman yang memabukkan		6			<= 6					<= 6			
Menjual Minuman yang memabukkan					<= 6								
Doktrin Palsu, Mengembangkan doktrin dsb, Dakwaan Palsu [tentang kerasulan, perkara di luar pengetahuan manusia dsb] ; Penyembahan Salah	<= 6		<= 6	<= 6				<= 6		<= 6		<= 6	<= 6
Percubaan keluar daripada Islam; Membuat kenyataan keluar daripada agama Islam dengan apa-apa jua tujuan; Mendakwa bukan Islam					<= 6								
Menjual atau memberikan anak kepada orang bukan Islam					<= 6								
Penyalahgunaan tanda halal					<= 6								
Mempersendakan, dsb., ayat Al-Quran atau Hadith					<= 6								

*Tidak merangkumi 'cari langganan bagi pelacuran'

**Tidak merangkumi untuk yang berkaitan dengan zakar dan dubur/mulut dan yang menggunakan objek

4. Kaedah Perlaksanaan Hukuman Sebat Sedia Ada

Semua negeri termasuk Wilayah-wilayah Persekutuan kecuali Kedah mempunyai hukuman sebatan untuk kesalahan jenayah Syariah dan cara perlaksanaan hukuman sebat yang sama

tetapi berbeza dari segi nama-nama bagi undang-undang berkenaan. Semua negeri kecuali Negeri Sembilan dan Wilayah-Wilayah Persekutuan mempunyai perbezaan kecil dalam nombor dan kandungan seksyen, semua negeri menggunakan perenggan yang sama dengan penomboran yang sama, iaitu Sub-seksyen 125(3)(c). Maka, sesuai dengan konteks, Sub-seksyen 125(3)(c) akan digunakan dalam perbincangan seterusnya untuk mewakili peruntukan ini bagi semua negeri dan tidak terhad sahaja kepada Kelantan (Jadual 3).

Jadual 3: Cara Perlaksanaan Hukuman Sebatan Mengikut Enakmen Tatacara Jenayah Syariah Mengikut Negeri

Negeri	Nama Akta	Seksyen	Kandungan
Johor	Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Negeri Johor) 2003 (En. 19/03)	125(3)(c)	
Kelantan (sebelum pindaan 2017.07.12)	Enakmen Tatacara Jenayah Syariah 2002 (En. 8/2002)	125(3)(c)	
Melaka	Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Negeri Melaka) 2002 (En. 9/02)	125(3)(c)	
Pahang	Enakmen Tatacara Jenayah Syariah 2002 (En. 8/02)	125(3)(c)	
Perak	Enakmen Tatacara Jenayah (Perak) 2004 (En. 5/04)	125(3)(c)	Hukuman hendaklah dilaksanakan di hadapan seorang Pegawai Perubatan Kerajaan di mana-mana tempat sebagaimana yang diarahkan oleh Mahkamah atau di suatu tempat yang ditetapkan oleh Kerajaan Negeri bagi maksud itu;
Perlis	Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Perlis) 2006 (En. 5/2006)	125(3)(c)	
Pulau Pinang	Enakmen Tatacara Jenayah Mahkamah Syariah (Negeri Pulau Pinang) 2004 (En 7/04 / En. 5)	125(3)(c)	
Sabah	Enakmen Tatacara Jenayah Syariah 2004 (En. 9/04)	125(3)(c)	
Sarawak	Ordinan Tatacara Jenayah Syariah 2001 (Bab 45/2001)	125(3)(c)	
Selangor	Enakmen Tatacara Jenayah Mahkamah Syariah (Negeri Selangor) 2003 (En. 3/03)	125(3)(c)	
Terengganu	Enakmen Tatacara Jenayah (Terengganu) 2001 (En. 5/01)	125(3)(c)	
Negeri Sembilan	Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Negeri Sembilan) 2003 (En. 13/03)	129(3)(c)	
Wilayah Persekutuan	Akta Prosedur Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 (Akta 560)	125(3)(c)	Hukuman hendaklah dilaksanakan di hadapan seorang Pegawai Perubatan Kerajaan di mana-mana tempat sebagaimana yang diarahkan oleh Mahkamah atau di suatu tempat yang ditetapkan oleh Kerajaan bagi maksud itu;

Keseragaman undang-undang dalam aspek ini bermaksud apa yang boleh dilakukan di sesebuah negeri itu boleh dilakukan di negeri yang lain. Ia juga membawa implikasi bahawa pindaan di sesebuah negeri seperti Kelantan mungkin diikuti oleh negeri-negeri yang lain.

5. Sebatan di Khalayak di bawah Sub-seksyen 125(3)(c) Sedia Ada

Apakah "sebatan di khalayak" yang dimaksud dalam pelaksanaan sebatan yang "terbuka" dan "disaksikan oleh orang awam" dibenarkan di bawah Sub-seksyen 125(3)(c) yang sedia ada di Kelantan dan negeri-negeri lain?

Menurut Nizam Bashir, seorang peguam yang mengamalkan undang-undang Syariah dan sivil, sebatan di khalayak adalah tidak berperlembagaan kerana sebatan perlu dilakukan di penjara dan penjara adalah di bawah bidang kuasa persekutuan (Perkara 3 di Senarai Persekutuan dalam Jadual Ke-sembilan). Asas hujah beliau adalah Peraturan 132 (1) Peraturan-Peraturan Penjara 2000, undang-undang kecil di bawah Akta Penjara 1995 (537)², yang berbunyi:

*"Apa-apa hukuman yang sah di sisi undang-undang yang dikenakan ke atas mana-mana **banduan** boleh dijalankan dalam mana-mana **penjara** atau sebahagiannya dalam suatu penjara dan sebahagian lagi dalam suatu penjara yang lain."*

Ini bermakna Sub-seksyen 125 (3) (c) undang-undang tatacara jenayah Syariah adalah tidak berkesan. Mahkamah Syariah tidak boleh memilih tempat selain daripada penjara untuk pelaksanaan hukuman sebat, seandainya pesalah disabit dengan kedua-dua hukuman penjara dan sebatan.

Bagaimana jika pesalah itu hanya dijatuhi hukuman sebat? Sub-seksyen 125 (4) yang sedia ada menyatakan bahawa:

"Dalam hal pesalah itu dihukum sebat sahaja, maka dia hendaklah diperlakukan seolah-olah dia dihukum dengan hukuman pemerjaraan sehingga hukuman itu dilaksanakan."

Ini bermakna semua pesalah yang dijatuhi hukuman sebat adalah sama erti dengan hukuman penjara dan tertakluk kepada Peraturan Penjara 2000 yang perlu diberi keutamaan daripada undang-undang tatacara jenayah Syariah di negeri-negeri.

Walau bagaimanapun, hukuman sebat di khalayak telah dilaksanakan.

Menurut laporan Borneo Post bertarikh 15 Julai, 2017³, Ketua Hakim Syariah Sabah Datuk Jasri @ Nasip Matjakir telah memaparkan bahawa tiga kes sebatan di khalayak telah berlaku di Mahkamah Syariah Tawau pada tahun 2014 dan 2016.

² Undang-undang dan Peraturan tersebut boleh dimuat turun di:
<http://www.prison.gov.my/images/content/pdf/pua193y2003bm.pdf>

³ Borneo Post (2017), "Sabah Syariah Court records 3 open whipping sentences", Borneo Post, July 15, 2017, URL: <http://www.theborneopost.com/2017/07/15/sabah-syariah-court-records-3-open-whipping-sentences/>

Dalam kes 2014, sebatan dilakukan di Mahkamah Syariah atas cadangan penjara kerana pesalah yang disabitkan dengan kesalahan zina tidak dijatuhkan hukuman penjara.⁴

Implikasi sebatan di khalayak dalam suatu kes pada 2016 adalah lebih signifikan kerana keputusan ini dibuat oleh Mahkamah Syariah atas permintaan sekumpulan peserta seminar yang ketika itu mengikuti pembicaraan kes itu⁵. Malah, pelaksanaan sebatan di khalayak ini dirakamkan dan videonya diterbitkan di Youtube ([URL: https://www.youtube.com/watch?v=YVs53S86das](https://www.youtube.com/watch?v=YVs53S86das)) yang mana nama pesalah-pesalah diumumkan dalam sarikata.

Datuk Jasri@Nasip Matjakir membela video itu dengan alasan "ia boleh membantu orang awam memahami pelaksanaan hukuman sebatan Syariah dan menentukan sama ada ia bersifat kejam atau mendidikkan"⁶. Beliau berkata bahawa "pelaksanaan sebatan terbuka mencukupi untuk membantu Kerajaan menjelaskan pindaan yang dicadangkan dalam RUU355."

Melainkan dan sehingga ia diisyiharkan sebagai tidak berperlembagaan, Sub-seksyen 125 (3) (c) kekal dan mahkamah syariah boleh bergantung kepadaannya untuk memerintahkan sebatan di khalayak seperti dalam kes-kes Tawau, tanpa memerlukan sebarang pindaan.

6. Implikasi Pindaan Seksyen 125(3)(c) di Kelantan

Jika kes-kes di Sabah telah menunjukkan bahawa Sub-seksyen 125(3)(c) cukup untuk Mahkamah Syariah mengarahkan sebatan terbuka sehingga ia diisyihar sebagai tidak berperlembagaan, apakah pindaan yang diluluskan di Kelantan?

Di dalam Sub-seksyen 125(3)(c) asal, memberikan Mahkamah Syariah kuasa budi bicara untuk menentukan sama ada sebatan harus dilaksanakan di khalayak ramai manakala pindaan Kelantan akan memandatorikan sebatan di khalayak. Dalam bahasa yang lain, Mahkamah Syariah Kelantan tidak lagi memiliki kuasa budi bicara untuk tidak mengarahkan hukuman sebat di khalayak yang disaksikan oleh sekurang-kurangnya empat orang lelaki Islam.

⁴ Kenyataan tersebut tidak konsisten dengan Sub-seksyen 125(4), Enakmen Tatacara Jenayah Syariah 2004 untuk Sabah yang juga digunakan di negeri-negeri lain. Ia menyatakan bahawa pesalah yang dijatuhkan hukuman sebatan sahaja perlu dipenjarakan sehingga hukuman sebatan dilaksanakan. Cadangan pihak berkuasa penjara supaya sebatan dijalankan di mahkamah mungkin untuk melepaskan pesalah daripada pemerintahan sebelum perlaksanaan sebatan.

⁵ Borneo Post (2017), "Sabah Syariah Court records 3 open whipping sentences", Borneo Post, July 15, 2017, URL: <http://www.theborneopost.com/2017/07/15/sabah-syariah-court-records-3-open-whipping-sentences/>

⁶ Ibid.

⁷ Ibid.

Pindaan di Kelantan mengubah Sub-seksyen 125(3)(c) daripada

"hukuman hendaklah dilaksanakan di hadapan seorang Pegawai Perubatan Kerajaan **di mana-mana tempat sebagaimana yang diarahkan oleh Mahkamah atau di suatu tempat yang ditetapkan** oleh Kerajaan Negeri bagi maksud itu."

kepada

"hukuman hendaklah dilaksanakan **secara terbuka** di hadapan seorang Pegawai Perubatan Kerajaan **yang beragama Islam dan disaksikan oleh sekumpulan orang Islam yang tidak kurang dari empat orang lelaki** di mana-mana tempat **yang diperintahkan oleh Mahkamah sebagaimana yang diwartakan** oleh Kerajaan Negeri bagi maksud itu;

Huraian,

"secara terbuka" mengikut maksud seksyen ini ialah perlaksanaan hukuman sebatan yang boleh disaksikan oleh sekumpulan orang Islam."

Secara terperincinya, pindaan ini membawa dua perubahan signifikan. Pertama, perlaksanaan "**secara terbuka**" yang bermaksud "**disaksikan oleh sekumpulan orang Islam yang tidak kurang dari empat orang lelaki**" diwajibkan. Kedua, dengan peruntukan "**sebagaimana yang diwartakan oleh kerajaan Negeri**", Mahkamah Syariah cuma dapat memilih di antara tempat-tempat yang diwartakan oleh Kerajaan Negeri sedangkan dahulunya mahkamah boleh menetapkan tempatnya atau memilih tempat yang ditetapkan oleh Kerajaan Negeri.

Jika Sub-seksyen 125(3)(c) di negeri-negeri lain turut dipinda berpandukan Kelantan, sehingga wujud keseragaman seperti selama ini, maka Mahkamah Syariah di semua negeri – kecuali Kedah – akan hilang kuasa budi bicara untuk cuma menjatuhkan hukuman sebatan tetapi tidak mengarahkan pelaksanaannya di khalayak. Setakat ini, Menteri Besar Terengganu Datuk Seri Ahmad Razif Abdul Rahman⁸ dan Mufti Pahang Datuk Seri Dr Abdul Rahman Osman⁹ telah menyatakan minat atau hasrat untuk mencontohi Kelantan.

7. Pindaan Lain kepada Seksyen 125 di Kelantan

Selain sub-seksyen 3(c), Dewan Undangan Negeri Kelantan turut meminda enam sub-seksyen/perenggan yang lain dan memansuhkan satu sub-seksyen dalam Seksyen 125 (**Jadual 4**). Perubahan yang paling signifikan adalah pemansuhan Sub-seksyen 125 (4), yang bermaksud pesalah yang menghadapi hukuman sebat sahaja tidak boleh lagi dipenjarakan sebelum pelaksanaan hukuman itu. Walaupun ini meringankan hukuman, mungkinkah ia juga boleh digunakan sebagai hujah bahawa sebatan di khalayak di bawah Sub-seksyen 125 (3) (c) menjadi berperlembagaan, selagi pesalah hanya dijatuhkan hukuman sebat sahaja?

⁸ Malaysiakini (2017), "MB: T'ganu ikut Kelantan jika semua setuju" , Malaysiakini, Julai 14, 2017, URL: <https://www.malaysiakini.com/news/388484>

⁹ Malaysiakini (2017) "Pahang mungkin boleh ikut Kelantan, kata mufti" , Malaysiakini, July 14 2017, URL: <https://www.malaysiakini.com/news/388584>

Perlaksanaan hukuman sebatan juga diringankan. Dengan perenggan-perenggan 3(g) dan 3(e) yang baru, **pelaksana hukuman dikehendaki mengangkat tangannya tanpa melebihi bahunya sahaja dan bukan lagi kepalanya**, dan bahagian depan leher dan bahu secara tersurat dikecualikan daripada sebatan.

Pada masa yang sama, pelaksanaan hukuman sebatan boleh dikatakan diperketatkan dalam dua aspek yang lain. Pertama, di bawah sub-seksyen 5 yang baru, umur tua - 55 tahun dan ke atas - tidak lagi menjadi alasan pengecualian hukuman sebatan. Hukuman sebatan cuma boleh dikecualikan kerana keuzuran. Kedua, di bawah sub-seksyen 3(b) yang baru, tempoh penangguhan dua bulan tidak terpakai lagi jika pesalah yang hamil mengalami keguguran.

Jadual 4: Pindaan Lain Terhadap Seksyen 125, Enakmen Tatacara Jenayah Syariah 2002 di Kelantan

Sub-seksyen	Peruntukan Asal	Pindaan
3(a)	Sebelum hukuman itu dilaksanakan, pesalah hendaklah diperiksa oleh seorang Pegawai Perubatan Kerajaan untuk diperakui bahawa pesalah itu adalah dalam keadaan kesihatan yang baik untuk menjalani hukuman itu;	Sebelum hukuman itu dilaksanakan, pesalah hendaklah diperiksa oleh seorang Pegawai Perubatan Kerajaan yang beragama Islam untuk diperakui bahawa pesalah itu adalah dalam keadaan kesihatan yang baik untuk menjalani hukuman itu;
3(b)	Jika pesalah itu sedang hamil, pelaksanaan itu hendaklah ditangguhkan sehingga tamat tempoh dua bulan selepas dia melahirkan anak atau keguguran, mengikut mana-mana yang berkenaan;	Jika pesalah itu sedang hamil, pelaksanaan itu hendaklah ditangguhkan sehingga tamat tempoh dua bulan selepas dia melahirkan anak;
3(e)	Orang itu hendaklah menggunakan alat sebatan dengan kekuatan yang sederhana tanpa mengangkat tangannya melebihi kepalanya supaya tidak melukakan kulit pesalah;	Orang itu hendaklah menggunakan alat sebatan dengan kekuatan yang sederhana tanpa mengangkat tangannya melebihi bahunya;
3(g)	Sebatan boleh dikenakan ke seluruuh bahagian tubuh kecuali muka, kepala, perut, dada atau bahagian-bahagian sulit;	Sebatan boleh dikenakan di bahagian belakang tubuhnya kecuali bahagian leher dan kepala;
3(g)	Pesalah hendaklah memakai pakaian mengikut Hukum Syarak;	Pesalah hendaklah memakai pakaian sebagaimana yang ditetapkan oleh pelaksanaan hukuman;
(4)	Dalam hal pesalah itu dihukum sebat sahaja, maka dia hendaklah diperlakukan seolah-olah dia dihukum dengan hukuman pemerjaraan sehingga hukuman itu dilaksanakan.	(Dimansuhkan)

Sub-seksyen	Peruntukan Asal	Pindaan
(5)	<p>Jika Pegawai Perubatan Kerajaan memperakui bahawa pesalah itu, oleh sebab umur tua, keuzuran atau apa-apa sebab lain tidak dapat menjalani hukuman sebat pada keseluruhannya atau sebahagiannya, maka kes itu hendaklah dirujukkan kepada Mahkamah yang boleh memerintahkan hukuman itu dilaksanakan mengikut cara yang difikirkannya munasabah.</p> <p>Huraian – Umur tua ertinya telah mencapai umur lima puluh tahun atau lebih.</p>	<p>Jika Pegawai Perubatan Kerajaan yang beragama Islam memperakui bahawa pesalah itu, oleh sebab keuzuran atau apa-apa sebab lain tidak dapat menjalani hukuman sebat pada keseluruhannya atau sebahagiannya, maka kes itu hendaklah dirujukkan kepada Mahkamah yang boleh memerintahkan kaedah hukuman itu dilaksanakan mengikut cara yang difikirkannya munasabah.</p>

Kesimpulan

Sebatan di khalayak boleh dilaksanakan di bawah kerangka undang-undang sedia ada, iaitu, Sub-seksyen 125(3)(c) dalam undang-undang tatacara jenayah Syariah di semua negeri kecuali Kedah. Kecuali jika Sub-seksyen 125(3)(c) diisyiharkan sebagai "batal dan tidak sah", tiga kes pelaksanaan sebatan di khalayak di Tawau, Sabah menunjukkan bahawa Mahkamah Syariah berkuasa untuk berbuat demikian.

Sebatan di khalayak tidak memerlukan kelulusan di Parlimen RUU355 yang cuma berkaitan dengan berapa kali sebatan yang boleh dijatuhkan, dan bukan bagaimana sebatan itu dilaksanakan. Pertindihan dengan Kanun Keseksaan menyebabkan sebahagian kesalahan jenayah syariah seperti liwat dan takfir tidak dapat berkuatkuasa tetapi terdapat juga lagi kesalahan jenayah syariah yang tetap berkuatkuasa dan membawa hukuman sebatan seperti zina dan meminum arak.

Secara jelasnya, pindaan Kelantan kepada Sub-seksyen 125(3)(c) bukanlah memberi Mahkamah Syariah kuasa budi bicara untuk mengarahkan sebatan di khalayak kerana kuasa itu sudahpun wujud di bawah peruntukan sedia ada. Tujuan sebenar pindaan ini adalah untuk menjadikan sebatan di khalayak itu mandatori dan menafikan Mahkamah Syariah kuasa budibicara untuk tidak mengarahkannya. Jika pindaan Kelantan diikuti oleh negeri-negeri lain – perkembangan yang barangkali akan berlaku memandangkan keseragaman Sub-seksyen 125(3)(c) yang sedia ada – maka sebatan di khalayak mandatori mungkin menjadi tren nasional. Sesetengah negeri menggunakan hukuman sebatan secara meluas. Sebagai contoh, Pahang mengaplikasi hukuman sebatan ke atas orang Islam yang menjual arak, menyalahgunakan tanda Halal dan hamil dengan/melahirkan anak luar nikah – trend nasional ini akan mempunyai implikasi meluas kepada bukan sahaja umat Islam khususnya tetapi juga seluruh negara amnya.

Maka, signifikasi isu sebatan di khalayak secara mandatori memerlukan penyelidikan yang mendalam dan perbincangan yang terbuka, rasional dan berhikmah oleh seluruh masyarakat.

Pandangan semua pihak yang berlandaskan fakta dan logik harus dipertimbangkan. Tiga set persoalan penting harus diberi perhatian.

Pertama, dari perspektif undang-undang perlembagaan, adakah Sub-seksyen 125 (3) (c) sekarang tidak berperlembagaan kerana semua pesalah yang dijatuhi hukuman sebat adalah secara implikasinya menjadi banduan dan Peraturan 132 (1) menetapkan bahawa sebatan ke atas banduan hanya boleh dilakukan di dalam penjara? Adakah pemansuhan Sub-seksyen 125 (4) membuat sebatan di khalayak di bawah Sub-seksyen 125 (3) (c) berperlembagaan jika pesalah dijatuhi dengan hanya hukuman sebatan?

Kedua, daripada perspektif fiqah, apakah sebatan di khalayak secara mandatori satu ketetapan di sisi agama (*tsawabit*) ataupun pembolehubah yang mengikut konteks masyarakat (*mutaghayyirat*)? Apakah yang lebih penting dalam soal mahu mempertingkatkan kepentingan awam (*maslahah*)? Menghukum atau mendidik? Apakah keutamaan (*awlawiyyat*) yang harus diberikan kepada hukuman sebat mandatori di khalayak dalam mencapai tujuan (*maqasid*) Shariah? Dari sudut perlaksanaan hukum-hukum itu pula, lembaga mana yang lebih arif dan harus diberi kuasa untuk menentukan perlunya atau tidak sebatan di khalayak secara mandatori? Mahkamah atau Dewan Undangan Negeri?

Ketiga, dari segi perspektif sains sosial, apakah bukti lebih menyokong hipotesis bahawa semakin tegasnya hukuman, semakin kurangnya jenayah dan gejala sosial? Sebagai contoh, Pahang mengenakan hukuman sebatan untuk paling banyak jenis kesalahan jenayah syariah sedangkan Kedah tidak mengenakan hukuman sebatan untuk mana-mana kesalahan jenayah syariah, apakah kadar kesalahan jenayah syariah di Pahang lebih rendah – dalam erti signifikasi statistik – daripada Kedah?

Dalam mendekati dua set soalan yang akhir, kita boleh mengambil ibrah kata-kata Dr. Jasser Auda bahawa: "Kita perlu mempergiatkan dan mengaktifkan *hiwar* (dialog) yang lebih insani dan yang lebih inklusif. Dialog yang menggaris bawahkan isu-isu universal, penting dan kegusaran yang dikongsi sekalian manusia sejagat. Apabila kita bicara mengenai memimpin masyarakat, kita perlu mengutarakan isu dengan perbincangan kritis yang menyingkap isu kemanusiaan secara komprehensif, menyeluruh dan apa yang lebih penting ditunjangi dengan *dhawabit* (parameter) pertimbangan Islam yang sebenar".¹⁰

¹⁰ Jasser Auda (2017), kertas kerja yang bertajuk "Negara Madani dan Referensi dalam Prinsip Islam dan Maqasid Syariah", dibentangkan dalam Konferensi Nadwah al-'Ulama Lin-Nahdah al-Jadidah (NUNJI), pada 5hb Februari 2017, di Auditorium Kompleks Belia Shah Alam, Selangor.